

16 FEB 2001

Marina-Arroyo

MARINA MAHATHIR BERJUMPA PRESIDEN ARROYO

MANILA, 16 Feb (Bernama) -- Presiden Majlis AIDS Malaysia Datin Paduka Marina Mahathir hari ini mengunjungi Presiden Gloria Arroyo dan kedua-dua mereka bertukar-tukar pendapat mengenai peranan wanita Asia yang semakin membesar dalam dunia modern.

Dalam pertemuan mereka selama 30 minit itu di Istana Malacanang di sini, kedua-dua wanita berkenaan mendapati mereka mempunyai persamaan dalam mengambil berat tentang golongan miskin dan sakit di negara masing-masing.

Kedua-dua pemimpin itu turut bertukar-tukar pendapat mengenai pelbagai isu dan usaha meningkatkan kebajikan wanita di Asia serta persamaan dalam hidup mereka, seorang merupakan anak presiden dan seorang lagi anak perdana menteri.

Marina adalah anak perempuan sulung Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Arroyo, seorang ahli ekonomi berpendidikan Amerika, merupakan anak perempuan mendiang presiden Diosdado Macapagal.

Marina menyatakan minatnya untuk bekerjasama dengan pentadbiran Arroyo terutama melalui aktiviti sokongan atas sifatnya sebagai presiden Majlis AIDS Malaysia.

Beliau juga menyatakan kebimbangannya terhadap keadaan menyedihkan wanita miskin Malaysia dan berkata "wanita benar-benar menderita. Kaum wanita merupakan golongan yang paling ramai dijangkiti AIDS."

Marina memberitahu Arroyo bahawa sebahagian daripada agenda Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada November tahun ini akan ditumpukan terhadap AIDS.

Asean dianggotai Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Thailand, Singapura dan Vietnam.

Kedua-dua wanita itu mengakui sebagai satu perkembangan yang menggembirakan melihat lebih ramai wanita Asia kini memikul tanggungjawab yang lebih besar.

Arroyo menarik perhatian bahawa dalam kabinetnya, terdapat lebih ramai wanita yang dilantik berbanding mana-mana pentadbiran lain.

Marina berkata wanita Malaysia juga telah dilantik memegang pelbagai jawatan penting dalam kerajaan.

-- BERNAMA

ALJ AZZ RYN RON